

CNS1043

U GB 10-11 00139 BH172

AAB

MAJALIS TIDAK AKAN MENJADI REPUBLIK KATA MAHATHIR

Mahathir - Raja ''

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa segala kritikan terhadap raja-raja pada Perhimpunan Agung UMNO disini yang berakhir hari ini tidak sekali-kali bermaksud untuk menjadikan Malaysia sebuah republik.

+Apa yang ditimbulkan oleh para perwakilan sepanjang perhimpunan itu ialah teguran membina yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan sebelum terlewat, + tegas beliau.

Semasa berucap mengulangi perbahasan pada akhir perhimpunan itu, beliau berkata, teguran-teguran dibuat kerana UMNO sayang kepada institusi raja,

Presiden UMNO itu berharap raja-raja memahami perkara itu kerana niat parti itu sebenarnya baik dan menambah kata: +Kita tidak hendak jadi republik+.

Beliau berkata, teguran-teguran itu perlu dibuat sebelum terlambat, dan pada tahap ini, keadaan masih boleh diperbaiki. -- Lagi.

♥10/11/18-45MST

CNS1054

U GB 10-11 00110 BH173

AAB

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur ''

Katanya, jika keadaan sudah terlanjur dan semangat rakyat sudah meluap-luap bagi menentang sistem beraja, teguran-teguran sudah tidak berguna lagi.

- Perdana Menteri berharap raja-raja tidak merasa tersinggung dengan teguran-teguran itu.

+Apa yang diperkatakan adalah teguran... mungkin kadang-kadang terkasar, orang UMNO memang kadang-kadang terkasar.

+Tetapi yang penting apabila ada sesuatu itu tidak kena, kita kenalah tegur. Kita tegur cara baik, + kata beliau.

+UMNO tidak pernah berniat mahu menjadikan negara ini republik... perlembagaan k-j ta terang-terang berkata... + ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, sistem raja itu penting kerana tanpa raja tidak ada lagi adat istiadat Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, beliau telah menyampaikan hasrat rakyat mengenai isu Raja Berperlembagaan kepada Majlis Raja-Raja.

Katanya, beliau telah menceritakan dengan jelas resolusi Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas kepada majlis itu.

Menurut Perdana Menteri, walaupun terdapat peruntukan undang-undang tidak membenarkan raja-raja dicaci, perkara yang ditimbulkan para perwakilan tidak termasuk dibawah tafsiran berkenaan.

Rata-rata para perwakilan yang menyertai perbahasan di sepanjang empat hari perhimpunan itu mendesak agar Perlembagaan Negara dipinda bagi membendung pembabitan raja-raja dalam pentadbiran kerajaan, politik dan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selain dari pada merupakan teguran membina untuk mengekalkan sistem beraja, beliau juga memberitahu Majlis Raja-raja bahawa resolusi tahun lepas itu ialah juga bagi kepentingan bangsa Melayu sendiri.

Beliau menyebut sat.11 peribahasa Inggeris yang berbunyi: +Sometimes it's necessary to be cruel in order to be kind+.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita belum sampai pada tahap untuk menimbang pindaan Perlembagaan (berhubung kedudukan raja-raja itu)+. -- Bernama.

♥10/11/19-51MST